



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/53/2013

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **221601 (Mencetak Buku) dan Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN)** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

NO.SEBUT HARGA : PSUKPP BIL. 53/2013

TAJUK SEBUT HARGA : Mencetak dan Membekal Buku Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2013

TARIKH BUKA : 11 Jun 2013

**TARIKH TUTUP : 25 Jun 2013
(12:00 Tengah Hari)**

TEMPOH SAH LAKU : 90 hari (25 September 2013)

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan e-Perolehan boleh mendapatkan borang sebut harga melalui laman web e-Perolehan.

3. Borang tawaran yang lengkap diisi beserta profil syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang 221601 (Mencetak Buku) dan Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga PSUKPP 53/2013 di Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 49 KOMTAR, Pulau Pinang pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari pada 25 Jun 2013**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau

menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang